

**A**NGGARAN populasi penduduk Mesir adalah seramai 92 juta sekali gus menduduki tempat ke-15 dalam senarai negara penduduk terbanyak berdasarkan sumber dipetik daripada Persatuan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB).

Kepadatan penduduk yang saban hari meningkat melahirkan tekanan terhadap ekonomi dan kehidupan masyarakat. Menurut laporan *Associated Press*, hampir separuh daripada masyarakat Mesir hidup di bawah garis kemiskinan dengan lebih daripada 15 juta rakyatnya hidup dengan pendapatan kurang daripada satu dolar sehari dan angka itu semakin meningkat.

Tidak hairanlah di setiap jalan raya dan lorong bangunan sekitar ibu kota Mesir mahupun kampung dipenuhi dengan pengemis dan gelandangan kanak-kanak, dewasa dan juga warga emas. Bukan itu sahaja, kanak-kanak seawal usia lima tahun juga sudah dilihat bekerja menjual tisu ataupun mengutip barang kitar semula di tong sampah demi mendapatkan wang.

Kelab Yayasan Dana Kebajikan Muslim Malaysia Mesir (Kelab YDKMM Mesir) mengambil inisiatif mewarnai sambutan Hari Anak-Anak Yatim di Mesir dalam program 'Ehna Ma'ak' (Kami Bersamamu) yang diadakan pada 7 dan 8 April lalu di Kafr El-Esom, Tanta, Mesir.

Seramai lebih 130 anak yatim dan 70 fakir miskin disantuni dan dilayani sepanjang program Ehna Ma'ak 2016 ini. Nilai sumbangan kewangan dan barangan mentah mencecah lebih 30,000 Pound Mesir berjaya diserahkan kepada semua pihak terlibat melalui bentuk tenaga, barangan makanan, peralatan alat tulis, kelengkapan sekolah dan lain-lain.

Program yang dipimpin seramai 20 aktivis Kelab YDKMM Mesir dengan kerjasama pihak Jam'iyah Syar'iyah Kafr El-Esom, Tanta berkolaborasi sumbangan tenaga dan kewangan daripada Perhimpunan Kebajikan Mahasiswa Singapura (Perkemas), Badan Kebajikan Pelajar Brunei Darussalam

Ibu tunggal dan anak yatim warga Tanta kelihatan gembira dalam program Ehna Ma'ak.



## 200 fakir miskin, anak yatim Mesir

# terima bantuan

### KELAB YDKMM MESIR CERIAKAN MEREKA DALAM PROGRAM 'EHNA MA'AK'

Kaherah (BruCai), Pertubuhan Kebajikan Amanah Prihatin Kulai (PKAP Kulaijaya Johor), Ikatan Mahasiswa Sarawak Mesir (IMSAR), Majlis Tertinggi Pengurusan Anak Johor Mesir (MTPAJM), Yalla Charity Organization, Kelab IKRAM Mesir cawangan Tanta, Angkatan Belia Islam Malaysia Mesir (Abim Mesir), Kelab Umno luar negara Tanta, dan Medic Mesir.

Program ini juga mendapat sumbangan kewangan dan kerjasama penuh daripada rakyat Malaysia, Singapura, Brunei Darussalam dan Indonesia.

Program mega ini berjaya menyatukan hampir 150

penuntut daripada pelbagai negara iaitu Malaysia, Singapura, Brunei, Indonesia, dan Mesir yang menuntut di enam institusi pengajian seluruh Mesir terdiri daripada Pengajian Islam dan juga Sains Kesihatan daripada Universiti Al-Azhar, Universiti Ain Shams, Universiti Iskandariah, Universiti Tanta, Universiti Mansoura, dan Maahad Buuth Islamiah Al-Azhar.

Bahkan, melibatkan beberapa penuntut dan graduan institusi pengajian tinggi Malaysia seperti Universiti Teknologi Petronas, Universiti Kebangsaan Malaysia dan Universiti Malaysia Sabah. Hadir

sama dalam program berkenaan, Pengerusi Persatuan Badan-Badan Kebajikan Wilayah provinsi Gharbia, Syeikh Muhammad Murad dan Ketua Badan Kebajikan Perkampungan Kafr El-Esom, Syeikh Muhammad Salam diiringi Penasihat Utama Yayasan Dana Kebajikan Muslim Malaysia, Dr Mohd

Hizul Azri Md Noor dan Pengerusi Kelab YDKMM Mesir, Ustaz Mohd Khozafi Abd Razak.

Syeikh Muhammad merakamkan ucapan terima kasih tidak terhingga kepada semua penuntut yang terlibat dalam menjayakan program ini. Beliau turut merakamkan penghargaan kepada Kedutaan Besar Malaysia di Mesir, Kedutaan Singapura dan Kedutaan Brunei Darussalam atas segala sumbangan yang disampaikan baik dari segi material mahupun sokongan moral.

Sementara itu, peserta yang juga pelajar perubatan tahun pertama Universiti Al-Azhar, Mohamad Faris Abdul Ghani berkata, program yang julung kalinya diadakan ini adalah program yang boleh memupuk semangat kekitaan di antara mahasiswa dan mahasiswi Malaysia dan warga Mesir.

Menurutnya, ia juga dapat merapatkan jurang kekeluargaan sesama Muslim. Ini adalah satu-satunya program

yang melibatkan secara rasmi mahasiswa Malaysia, Singapura dan Brunei dari pelbagai bidang pengajian dan universiti.

Majlis gilang gemilang ini diakhiri dengan penyampaian sumbangan dan hadiah berbentuk hamper, kelengkapan dapur dan alatan persekolahan kepada mereka yang terlibat.



Walaupun penat dengan aktiviti, anak yatim ini kelihatan ceria bersama sukarelawan.